

POLISI KESELAMATAN KETIKA BERADA DI PREMIS KUMPULAN KARANGKRAF

Polisi keselamatan ini bertujuan untuk memastikan keselamatan dan kesejahteraan semua pelawat di premis kami, termasuk di kawasan operasi kilang percetakan, melalui pematuhan terhadap peraturan-peraturan yang telah ditetapkan

Polisi Keselamatan Umum untuk Kawasan Umum (Kumpulan Karang kraf)

1. **Tanggungjawab Keselamatan:** Keselamatan adalah tanggungjawab setiap individu. Semua pengunjung perlu berhati-hati dan mematuhi arahan keselamatan yang diberikan oleh pihak pengurusan.
 - Keselamatan pelawat, khususnya pelajar, adalah tanggungjawab guru pengiring atau penyelia. Sila pastikan pelajar seliaan anda mematuhi garis panduan yang telah disediakan.
 - Pihak Karang kraf tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kecederaan yang berlaku akibat kecuai atau kegagalan pelawat mematuhi arahan dan peraturan keselamatan yang telah ditetapkan
2. **Penyeliaan Pelawat:** Bagi kumpulan pelawat seperti pelajar sekolah, penyelia (guru atau pemimpin kumpulan) bertanggungjawab memastikan pelawat mematuhi peraturan keselamatan dan berkelakuan baik sepanjang lawatan.
 - Elakkan berlari, bermain-main, bergurau senda atau melakukan tindakan yang boleh menyebabkan kecederaan.
 - Sila hormati persekitaran dan staff-staff yang sedang bekerja di kawasan sekitar anda.
3. **Penggunaan Laluan dan Kemudahan:** Sila gunakan laluan yang telah ditetapkan dan jangan mengganggu operasi yang sedang dijalankan. Dilarang berada di kawasan yang dikhaskan untuk kakitangan tanpa kebenaran.
4. **Peraturan Merokok:** Dilarang merokok di dalam bangunan atau kawasan yang tidak dibenarkan.

Polisi Keselamatan untuk Kilang Percetakan (Ultimate Print Sdn Bhd)

1. **Pematuhan Kawasan Operasi:** Semua pengunjung mesti mematuhi peraturan keselamatan di kawasan operasi kilang. Ini termasuk memakai pakaian yang sesuai (kasut bertutup, tanpa aksesori atau barang kemas yang longgar). Sila dapatkan Peralatan Perlindungan Diri (PPE) jika diperlukan.
2. **Pengawasan:** Pelawat mesti sentiasa diawasi oleh kakitangan yang ditetapkan. Kanak-kanak di bawah umur 12 tahun tidak dibenarkan masuk ke kawasan operasi.
3. **Makanan dan Minuman:** Pengambilan makanan dan minuman hanya dibenarkan di kawasan yang telah ditetapkan.
4. **Penggunaan Telefon dan Kamera:** Penggunaan telefon bimbit dan kamera adalah dilarang melainkan telah mendapat kebenaran daripada pihak pengurusan. Ini bagi mengelakkan kelekakan yang menyebabkan kemalangan atau kecederaan.

5. **Larangan Masuk Kawasan Bahaya:** Pelawat dilarang memasuki kawasan berisiko tinggi seperti kawasan mesin dan stor bahan kimia tanpa kebenaran. Sila patuhi arahan dan panduan keselamatan yang diberikan oleh pegawai bertugas.
6. **Peraturan Keselamatan Tambahan:**
 - Dilarang bermain, bergurau, atau berjalan secara berkelompok di kawasan operasi untuk mengelakkan kemalangan.
 - Sila ikut laluan pejalan kaki yang telah ditetapkan dan sentiasa peka ketika berada di kawasan operasi terutamanya di laluan forkflift dan hand pallet truck.
 - Elakkan menggunakan telefon atau kamera ketika berada di kawasan mesin bagi mengelakkan gangguan atau kecederaan.
7. **Kesedaran Hazard:** Kilang adalah kawasan yang berpotensi mempunyai hazard seperti bunyi bising dan bahan kimia. Pastikan untuk menjaga jarak yang selamat daripada peralatan operasi dan bahan berbahaya.
8. **Keadaan Kecemasan:** Sekiranya berlaku kecemasan, sila keluar segera ke kawasan perhimpunan yang ditetapkan dan ikuti arahan pegawai keselamatan.